



Layari Wajah Baru Portal Pendidikan Ut...



LAMAN UTAMA

3 Februari 2009 / 7 Safar 1430

KUMPULAN UTUSAN

HUBUNGI KAMI

JOM IKLAN

ARKIB BERTA

BERITA

- Berita Utama
- Dalam Negeri
- Politik
- Luar Negara
- Sukan
- Bisnes
- Laporan Saham
- Mahkamah
- Jenayah
- Rencana
- Bicara Agama
- Forum

GAYA HIDUP

- Hiburan
- Keluarga
- Feminin
- Rancangan TV
- Pendidikan
- Sains & Teknologi
- Kesihatan
- Polis & Tentera
- Sastera

CAPAIAAN LAIN

- Portal Pendidikan
- Kosmo! Online
- Mangga Online
- Kareer
- Ranggi
- Utusan Karya
- Rampai Iklan

LAMAN KHAS

DALAM NEGERI

Tengku Mahkota minta tokoh agama bantu pelajar histeria

PEKAN 13 Ogos - Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah (**gambar**) hari ini meminta tokoh-tokoh agama tampil membantu menyelesaikan kejadian misteri yang melanda pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Lumpur, Kuantan.

Baginda yakin, usaha daripada pihak terbabit akan dapat menyelesaikan kejadian misteri yang menyebabkan para pelajar di sekolah tersebut mengalami histeria sejak Mei lalu.

Titah baginda, kejadian misteri seumpama itu pernah berlaku di Lipis beberapa tahun lalu, tetapi berjaya ditangani menerusi usaha tokoh-tokoh agama yang turut datang membantu.

"Mudah-mudahan mereka ini akan tampil membantu seperti membuat majlis membaca doa dan yasin serta solat hajat," titah baginda kepada pemberita selepas melawat mangsa ribut di Kampung Baru Sungai Miang, di sini hari ini.

Baginda turut berharap pihak sekolah dan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dapat mengilatkan lagi solat hajat dan aktiviti-aktiviti keagamaan bagi membantu memberi keyakinan kepada para pelajar terutama menjelang musim peperiksaan tidak lama lagi.

Pada 25 Julai lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan SMK Tanjung Lumpur diselubungi kejadian misteri apabila sebilangan pelajar perempuannya diserang histeria hampir setiap hari terutama menjelang waktu tengah hari sejak Mei lalu.

Dilaporkan juga pada waktu rehat, sebahagian pelajar perempuan akan mengalami sakit-sakit sendi hingga terpaksa berjalan terbongkok-bongkok seperti orang tua uzur dan keadaan itu dipercayai turut dialami segelintir guru wanita sekolah berkenaan.

Pelbagai usaha telah dilakukan termasuk mengadakan solat hajat, bacaan yasin serta menggunakan khidmat pengamal perubatan tradisional untuk memulihkan semangat para pelajar sekolah yang diserang histeria tersebut, namun sehingga kini semua usaha itu gagal.

Waktu Solat Kuala Lumpur

Subuh 6:07
Zohor 1:28
Asar 4:50
Maghrib 7:25
Isyak 8:38

[Klik untuk waktu solat kawasan lain](#)

DARI TUTOR.COM.MY

📖 Dapatkan Pakej Pembelajaran Online yang boleh membantu anda berhadapan peperiksaan dengan penuh yakin! 📖

BANCIAN

Wajarkah undang-undang antiompot parti diwujudkan

Ya
 Tidak
 Tidak peduli

Keputusan

Pernahkah anda menjadi mangsa skim cepat kaya

Ya
 Tidak
 Tidak pasti

Keputusan

Kirimkan pendapat

IKLAN Teks

- Bayar zakat secara online @ LZS
- Alibaba.com - Jaringan Pemasaraya Global yang terbesar di
- Cyber Slim Center - 10kg dalam 30 hari

>> Langsingkan badan secara selamat, semula jadi

- SmartStudy - Kursus Motivasi & Teknik Belajar Bersama C
- Promosi 13GB hosting hanya RM60 setahun

Syarikat Hosting 5 Teratas, Pendaftaran dibuka 24/7